

DATUK ASRI LETAK JAWATAN

Tiga pemimpin PAS yang lain juga turut berhenti

KUALA LUMPUR, Sabtu - Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Haji Mohamad Asri bin Haji Muda, hari ini mengumumkan perletakkan jawatannya untuk mengelakkan perpecahan dalam parti.

Serentak dengan itu Setiausaha Agung parti, Datuk Haji Abu Bakar Umar, Bendahari Agung, Encik Hassan Haji Mohamad dan Ketua Dewan Muslimat, Datin Sakinah Haji Junid, turut meletakkan jawatan masing-masing.

Pengumuman tersebut dibuat oleh Datuk Haji Abu Bakar semasa Mukhtamar PAS berlangsung di sebuah petang, di Dewan Bahasa dan Pustaka hari ini melalui satu kenyataan yang ditandatangani oleh Datuk Haji Asri sendiri. Beliau tidak hadir.

Dalam kenyataannya itu, Datuk Haji Asri berkata, perletakan jawatannya itu dibuat untuk mengelak pertelingkahan berpanjangan dalam parti, memandangkan ada sesuatu usaha semacam konspirasi untuk memecah-belahkan PAS dari dalam terutamanya dalam persoalan keimplinan.

"Ini jelas menjelang Mukhtamar ke-28 ini di mana satu 'penjelajahan yang agak menyeluruh, bertopeng 'keimplinan Ulama' telah mengharu-birukan fikiran dan suasana," tambah beliau.

Di samping itu, tegas beliau, fitnah-fitnah terhadap dirinya berkelarian mengatasi fitnah-fitnah yang pernah dilemparkan oleh musuh-musuh politik PAS

Oleh **JAMALUDDIN HAJI BAKAR**

di tahun 1977/78 dahulu.

Yang Dipertua Agung PAS itu juga menyebut bahawa trend yang berkembang dalam PAS sekarang adalah ke arah suatu cara berpolitik yang asing dari yang dibawa oleh PAS selama ini.

"Saya kira kemampuan saya untuk mengendalikan pimpinan PAS mengikut kaedah yang lazim sudah sampai ke peringkat yang menyebabkan naluri saya mendesak untuk membuat keputusan menyerahkan kembali mandat dan kepercayaan Mukhtamar PAS ke 27 yang lalu," tegasnya.

Perletakan jawatan Datuk Asri yang telah memimpin PAS sejak tahun 1964 memeringkatkan perwakilan PAS, meskipun ada desas desus yang mahu beliau meletakkan jawatan disebabkan pemimpin muda dalam parti, termasuk Ketua Dewan Ulamak, Ustaz Nik Aziz bin Nik Mat, turut tidak senang dengan kepimpinannya.

Ini ditambah pula dengan kemunculan tokoh muda yang juga Naib Presiden parti, Ustaz Fadzil Noor dan Ustaz Hadi Awang serta Ketua Dewan Pemuda PAS, Enik Mustafa Ali yang juga tidak setuju keimplinannya.

Golongan muda, difahamkan telah mengadakan beberapa perbincangan untuk menjatuhkan Datuk Haji Asri, termasuk di saat terakhir malam tadi.

Ustaz Fadzil Nor memberitahu para pemberita selepas pengumuman Datuk Haji Asri itu, PAS melantik Timbalan Yang Dipertua Agungnya, Haji Yusof Rawa, memangku jawatan Yang Dipertua Agung sehingga pemilihan tahun depan.

Beliau enggan mengulas lebih lanjut mengenai perletakan jawatan tersebut sekadar berkata: "Setakat ini, saya tidak mahu komen apa-apa berhubung dengan perkara tersebut."

Muktamar PAS akan disambung esok untuk membincangkan usul-usul seperti dalam agenda yang ditetapkan.

Sementara itu, Datuk Haji Asri ketika ditemui di rumahnya, berkata keputusan itu dibuat semata-mata untuk kepentingan parti PAS "kerana saya tidak mahu parti PAS berpecahbelah," tegasnya.

Ditanya sama ada perletakan jawatan ini disebabkan pergeseran yang hebat dalam parti dan perselisihannya dengan Ketua Dewan Ulamak, beliau yang juga bekas Menteri Kemajuan Tanah dan Galian, berkata:

"Tidak ada kaitan kerana keputusan itu saya buat setelah difikirkan semasak-masaknya dengan kepentingan perpaduan PAS dan perjuangan ummah."

Menjawab satu soalan, beliau berkata, "sehingga hari ini saya masih lagi ahli PAS dan saya tidak berita-cita untuk menyertai parti lain.

"Bagaimanapun, keputusan muktamad akan saya buat dua minggu lagi, selepas saya berihat," ujarnya



■ DATUK ASRI